

06 APR 1997

Mahathir-Peperangan

MALAYSIA JELAS PENDIRIAN MENGENAI PEPERANGAN KUWAIT-IRAQ

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

BANDARAYA KUWAIT, 6 April (Bernama) -- Perdana Menteri berkata Malaysia hari ini memberi penjelasan kepada Kuwait mengenai pendiriannya menentang sebarang tindakan sesebuah negara menakluki negara lain.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak setuju sebarang usaha mana-mana negara untuk menawan negara lain malah Malaysia mahu sentiasa melihat negara-negara Islam berbaik sesama sendiri.

"Malaysia mahu melihat tidak ada permusuhan antara negara Islam dan kalau ada masalah perlu diselesaikan menerusi rundingan dan masing-masing harus menerima keputusan PBB (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu)," katanya kepada wartawan Malaysia selepas menghadiri pertemuan dua hala dengan pemimpin Kuwait di sini.

Dr Mahathir berkata beliau memberitahu pendirian Malaysia itu semasa pertemuan dua hala berkenaan yang turut membincangkan masalah yang dihadapi Kuwait akibat kesan serangan Iraq pada 1990.

Beliau juga memberitahu pemimpin Kuwait bahawa Malaysia gembira kerana Kuwait yang hampir musnah akibat serangan itu dapat menebus kembali negaranya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menjelaskan bahawa sementara Malaysia sedar peperangan membawa sengsara kepada Kuwait, namun Malaysia tidak boleh menyalahkan rakyat Iraq yang menjadi mangsa dalam peperangan itu.

"Kita juga menjelaskan pendirian untuk membantu rakyat Iraq di samping menyokong pendirian Kuwait," katanya.

Beliau juga berkata Malaysia sedang memikirkan cara mana untuk membantu negara Albania yang telah memohon bantuan daripada negara-negara Islam untuk mengatasi masalah yang dihadapi negara itu.

Perdana Menteri berkata Malaysia sudah banyak membantu negara itu yang sudah terlepas daripada pemerintahan sistem komunis.

Beliau berkata apa yang berlaku di Albania disebabkan oleh orang yang tidak tahu menggunakan sistem demokrasi secara baik. -- BERNAMA

ARA RON